

21/07/2000

Tindakan pelampau agama jejas keamanan

PENDEDAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sekumpulan tiga hingga lima anggota Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) cuba menyerang sebuah kuil dan kilang arak bagi mencetuskan huru-hara, amat menyeramkan. Ini kerana ia boleh mencetuskan suasana buruk di negara ini apabila kumpulan itu bertindak mengikut sentimen keagamaan. Kumpulan itu mungkin cuba mendapatkan sokongan umat Islam supaya mengizinkan perbuatan jenayah atau bersimpati dengan tindakan yang mereka lakukan. Mereka lupa tindakan itu sebenarnya akan menyusahkan seluruh rakyat sama ada yang beragama Islam atau tidak. Islam tidak pernah mengajar umatnya bertindak zalim terhadap pengikut agama lain atau memusnahkan harta benda milik orang lain. Sekiranya rancangan kumpulan itu berjaya, dengan sekelip mata keamanan negara ini akan tergugat dan keharmonian yang dicipta sekian lama akan terhapus.

Jika tembakan di sebuah kuil di Kuala Lumpur menggunakan senjata M16-203 yang dicuri dari kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak, menepati sasarannya, pastinya pengikut agama berkenaan akan melakukan tindak balas spontan. Mereka mungkin pula memusnah atau membakar masjid dan surau. Apa juga agama, rumah ibadat adalah tempat suci. Mereka juga menjaga kesucian dan maruah agama mereka. Apabila keadaan ini berlaku, keselamatan negara akan tergugat dan tidak mustahil juga pertumpahan darah akan berlaku di mana-mana. Ketika itu keselamatan negara sukar lagi dikawal terutama apabila peristiwa pembakaran rumah ibadat dan bunuh-membunuh merebak ke seluruh negara. Apakah Islam mahu dianggap sebagai pencetus kepada huru-hara ini? Isu agama begitu sensitif di negara ini. Oleh itu, pihak keselamatan perlu bertindak segera.

Percubaan menembak kilang arak tidak bermakna kumpulan itu melakukan jihad dan perlu disokong. Tindakan mereka itu tidak semestinya akan memusnahkan harta benda semata-mata. Bagaimana dengan nyawa manusia yang sedang bekerja di kilang itu? Sekiranya sasaran mereka menjadi, mungkin ada anak yang kehilangan ayah atau ibu yang sedang bekerja di kilang itu. Walaupun mereka mungkin bukan beragama Islam, tidakkah tindakan seperti itu mencemarkan nama baik Islam? Disebabkan menyedari tindakan itu dilakukan orang Islam, semestilah juga tindak balas akan dilakukan ke atas umat Islam. Maka, huru-hara akan tercetus dengan mudah. Apabila tindakan menembak kuil dan kilang arak dilakukan serentak, api perkauman dan keagamaan akan merebak dengan begitu pantas. Nama baik Islam akan tercemar manakala Malaysia tercatat sebagai sebuah negara pengganas. Jika ada percubaan mana-mana pihak untuk menyokong perjuangan Al-Ma'unah, mereka sebenarnya ingin mencemarkan Islam dan memusnahkan keamanan dan kemakmuran di negara ini.

(END)